

01 OCT 2003

LIMA-BOT

SYARIKAT TEMPATAN BAKAL EKSPORT BOT LAJU

Oleh: Zulkafli Ibrahim

LANGKAWI, 1 Okt (Bernama) -- Destination Marine Services Sdn Bhd, syarikat pembuat bot tempatan sedang dalam perbincangan untuk mengeksport bot laju keluarannya ke beberapa negara luar tidak lama lagi.

Pengarah Eksekutifnya Ibrahim Ali Haji Abdul Wahab berkata, beberapa negara seperti Yaman, Qatar dan Vietnam berminat untuk membeli bot buatan syarikatnya.

"Kita sedang di peringkat akhir mengadakan perbincangan dengan negara-negara berkenaan mengenai pembelian itu", katanya kepada Bernama ketika ditemui di pameran segmen maritim yang diadakan bersempena Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2003 (LIMA) di sini, hari ini.

Beliau berkata bot yang akan dibina itu berukuran 10, 15 dan 18 meter panjang manakala harganya bergantung kepada peralatan kelengkapan yang diminta pelanggan.

Setakat ini permintaan bot-bot itu dibuat oleh jabatan-jabatan kerajaan di negara-negara tersebut.

Kerja-kerja pembinaan bot-bot itu akan dibuat selepas pihaknya selesai membina bot Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Jabatan Kastam, kata Ibrahim.

Menurut beliau, syarikat itu telah menyiapkan lima bot mencegah kebakaran yang setiap satu berharga RM1.8 juta.

Majlis penyerahan bot itu akan dilakukan di Awana Porto Malai di sini esok yang dijangka disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain bot bomba, syarikat itu juga telah menyiapkan dua dari sepuluh bot Jabatan Kastam yang turut akan diserahkan esok.

Ibrahim berkata, pengeluaran bot sedemikian merupakan sebagai percubaan yang diharap bakal menerima lebih banyak tempahan.

Ini memandangkan Malaysia mempunyai persisiran pantai yang luas iaitu kira-kira 3,000 kilometer yang memerlukan pengawalan.

Beliau berkata, syarikatnya menggunakan bahan tempatan untuk pembinaan bot itu yang mengambil masa antara tiga hingga empat bulan untuk menyiapkannya.

Syarikat itu mempunyai 250 pekerja dengan dua tempat operasi di Limbongan Johor Baharu dan Port Klang.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Bomba, Datuk Hamzah Abu Bakar berkata pembelian tambahan bot akan bergantung kepada kedudukan kewangan jabatan.

"Kita memang memerlukan tambahan bot itu bukan sahaja untuk melawan kebakaran malah digunakan untuk menyelamatkan dan tumpahan minyak", katanya.--BERNAMA

ZI MAD ZK